
**GARIS PANDUAN PEWUJUDAN PERPUSTAKAAN ATAU
PUSAT SUMBER MELALUI PROGRAM TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT (CSR)**

Disediakan oleh: Perpustakaan Negara Malaysia

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. OBJEKTIF	2
4. DEFINISI/TAFSIRAN	
4.1 Perpustakaan	2
4.2 Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	2
4.3 Khidmat Nasihat dan Khidmat Perundingan	3
5. PROGRAM CSR	
5.1 Tujuan Program CSR	3
5.2 Objektif Program CSR	4
5.3 Kriteria Program CSR	4
6. KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM CSR	5
7. KHIDMAT NASIHAT DAN BANTUAN OLEH PNM	6
8. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIBERIKAN PERHATIAN	
8.1 Sumber Manusia	7
8.2 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	7
8.3 Deposit Utiliti	7
8.4 Cukai	7
8.5 Penyenggaraan	8
8.6 Kawalan Keselamatan	9
8.7 Insurans	9
8.8 Perabot, Peralatan dan Kelengkapan	9
8.9 Garis Panduan Lain Berkaitan Perpustakaan	9
8.10 Surat Penghargaan	10
9. PENUTUP	10
RUJUKAN	11
LAMPIRAN I	12
LAMPIRAN II	13

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk dijadikan rujukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan mana-mana badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan yang berhasrat untuk menubuhkan sebuah Perpustakaan melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) selaras dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa yang diguna pakai.

2. LATAR BELAKANG

PNM sebagai peneraju kepimpinan dalam bidang perpustakaan dan kepastakawanan bertanggungjawab membantu badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan menubuh atau mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di dalam negara sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) Mengandungi Segala Pindaan Hingga 1 Januari 2006 9Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2) (b):

”memberikan nasihat dan membantu dalam perancangan dan perkembangan perpustakaan di peringkat kebangsaan”

dan Bahagian II Seksyen 4(2) (i):

”menggalakkan penubuhan suatu rangkaian perpustakaan khusus selaras dengan piawaian kebangsaan bagi mengadakannya”.

PNM telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan khidmat nasihat dan perundingan berdasarkan piawaian kebangsaan serta antarabangsa yang diguna pakai. Perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan diberi kepada badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan bagi merancang penubuhan perpustakaan baharu atau menaik taraf perkhidmatan perpustakaan sedia ada. Sehubungan itu, PNM telah mengambil langkah untuk menyediakan garis panduan ini ke arah pembangunan perpustakaan seiring dengan perkembangan semasa.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Menyediakan satu garis panduan pembangunan kemudahan perpustakaan yang memenuhi kriteria selaras dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa yang diguna pakai;
- 3.2 Memberikan perkhidmatan khidmat nasihat dan perundingan berdasarkan piawaian kebangsaan serta antarabangsa yang diguna pakai;
- 3.3 Menggalakkan badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial dalam pembangunan kemudahan perpustakaan kepada masyarakat berpandukan garis panduan ini; dan
- 3.4 Mempromosi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui penubuhan perpustakaan dan mengadakan program/aktiviti bagi memupuk budaya membaca dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat masyarakat.

4. DEFINISI/TAFSIRAN

4.1 Perpustakaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), Perpustakaan didefinisikan sebagai bangunan atau bilik yang mengumpulkan buku-buku untuk bacaan dan lain-lain.

4.2 Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Merupakan satu manifestasi atau terjemahan komitmen tanggungjawab sosial sesebuah organisasi terhadap masyarakat. Komitmen CSR diusahakan khusus bagi meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup semua

pihak, terutamanya pekerja dan keluarga dalam sesebuah organisasi, komuniti mahupun manfaat terhadap persekitaran.

“Komitmen institusi perniagaan dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan, berusaha bersama-sama para pekerja, keluarga mereka, komuniti tempatan serta masyarakat secara umum bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka.”

(World Business Council for Social Development (WBCSD), 2000)

4.3 Khidmat Nasihat dan Khidmat Perundingan

Dasar Khidmat Nasihat dan Perundingan Perpustakaan Negara Malaysia yang dikemaskini pada 14 Mac 2013 mentafsirkan seperti berikut:

“Khidmat nasihat adalah proses memberi nasihat dan memantau pengurusan perpustakaan sedia ada serta mengemukakan cadangan penambahbaikan berdasarkan piawaian kebangsaan dan antarabangsa yang diguna pakai”.

“Khidmat perundingan adalah proses merancang dan menubuhkan perpustakaan baharu dan menaik taraf perpustakaan sedia ada berdasarkan piawaian kebangsaan serta antarabangsa yang diguna pakai. Khidmat Perundingan dilaksanakan berdasarkan permintaan daripada badan kerajaan dan badan bukan kerajaan”.

5. PROGRAM CSR

5.1 Tujuan Program CSR

Program CSR bertujuan menggalakkan supaya semua badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan mempraktikkan perkongsian tanggungjawab sosial dengan mengutamakan kepentingan masyarakat

**GARIS PANDUAN PEWUJUDAN PERPUSTAKAAN ATAU PUSAT SUMBER MELALUI PROGRAM
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)**

dalam mempertingkatkan kualiti hidup komuniti disamping kepentingan organisasi.

5.2 Objektif Program CSR

- 5.2.1 Membudayakan konsep “Kebajikan Tanggungjawab Bersama” dalam kalangan sektor korporat;
- 5.2.2 Menggalakkan sektor korporat untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan pembangunan sosial negara;
- 5.2.3 Menyemarakkan semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat; dan
- 5.2.4 Memupuk budaya “Komuniti untuk Komuniti” melalui pemerksaan sosial.

5.3 Kriteria Program CSR

Pembangunan perpustakaan mestilah mempunyai kriteria berikut:

- (i) Program yang memberikan kebaikan dan manfaat kepada masyarakat setempat.
- (ii) Meningkatkan minat membaca dan pembangunan perpustakaan di Malaysia.

6. KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM CSR

- 6.1 Badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan yang ingin mengadakan program CSR perlu memaklumkan secara rasmi kepada Ketua Pengarah PNM.
- 6.2 Penubuhan perpustakaan baharu atau menaik taraf perpustakaan sedia ada perlu mengambil kira perancangan pembangunan sepuluh (10) tahun akan datang bagi menampung pertambahan koleksi, perkhidmatan, pengguna dan kakitangan.
- 6.3 Sesi perbincangan antara PNM dengan pihak yang terlibat akan diadakan dan disertai dengan sesi lawatan tapak (sekiranya perlu) bagi mengenal pasti keperluan penubuhan atau menaik taraf perpustakaan.
- 6.4 PNM akan membuat semakan dan rujukan silang (cross-reference) dengan pelbagai sumber yang relevan dan melibatkan pelbagai bahagian dalaman untuk pembangunan kemudahan perpustakaan.
- 6.5 Laporan khidmat perundingan yang lengkap akan diangkat untuk makluman dan kelulusan Ketua Pengarah PNM.
- 6.6 Laporan khidmat perundingan yang telah diluluskan akan dihantar kepada badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan sebagai rujukan dan panduan.

7. KHIDMAT NASIHAT DAN BANTUAN OLEH PNM

- 7.1 Membantu merancang pentadbiran, pengurusan dan struktur perpustakaan berdasarkan objektif penubuhan perpustakaan baharu.
- 7.2 Membantu perancangan latihan fungsian kepada petugas/kakitangan perpustakaan bagi membina kepakaran, kemahiran dan kompetensi.
- 7.3 Memberi cadangan sumber koleksi yang bersesuaian dengan peranan dan fungsi perpustakaan serta penyediaan dasar pembangunan koleksi mengikut keperluan yang bersesuaian dengan perkembangan semasa.
- 7.4 Memberi bantuan khidmat nasihat teknikal dari segi pengisian dan keperluan ICT serta Sistem Perpustakaan Bersepadu yang akan digunakan.
- 7.5 Membantu mempromosi koleksi, perkhidmatan dan melaksanakan program galakan membaca kepada pengguna.
- 7.6 Lain-lain bantuan yang dapat diberikan oleh PNM adalah seperti di Lampiran I.
- 7.7 Semua bantuan yang disediakan oleh PNM adalah tertakluk kepada keperluan masyarakat dari semasa ke semasa.

8. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIBERIKAN PERHATIAN

8.1 Sumber Manusia

Badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan perlu menyediakan petugas/kakitangan perpustakaan yang mencukupi untuk mengurus dan mengendalikan perpustakaan. PNM akan memberi latihan bagi meningkatkan kompetensi petugas/kakitangan perpustakaan.

8.2 Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Perpustakaan perlu dilengkapi dengan perkakasan, perisian, peralatan, dan kelengkapan lain yang mencukupi dan bersesuaian dengan perkembangan teknologi maklumat serta komunikasi termasuk infrastruktur ICT, *Radio-Frequency Identification* (RFID), lesen perisian dan langganan talian Internet/Wi-Fi. Perkakasan dan perisian yang diperoleh juga perlu mematuhi piawaian bagi membolehkan rekod bibliografi dan kandungan digital dapat diakses.

8.3 Deposit Utiliti

Badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan akan membayar segala deposit kepada pihak yang berkenaan dengan kemudahan utiliti yang disediakan di perpustakaan atau bangunan tersebut.

8.4 Cukai

Badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan akan membayar segala cukai cukai dan taksiran pada masa sekarang/akan datang serta bayaran-bayaran lain yang sedang atau mungkin selepas daripada perjanjian dikenakan ke atas bangunan tersebut.

8.5 Penyenggaraan

Badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan bertanggungjawab untuk:

- (i) Menyenggara dan menjalankan kerja-kerja pemasangan lampu-lampu, penggantian barangan guna habis seperti lampu kalimantang (pendaflour), mentol lampu elektrik, kelengkapan komponen kecil untuk lampu dan kipas siling bagi perpustakaan tersebut;
- (ii) Menyenggara penyaman udara dan peralatan pencegah kebakaran di perpustakaan dan bangunan tersebut;
- (iii) Menyenggara, menjalankan kerja-kerja membaiki dan membersihkan bahagian luaran, bahagian kegunaan bersama termasuk kerja-kerja mengecat semula, pembersihan tingkap di bahagian luar, penyelenggaraan landskap serta lif di bangunan perpustakaan tersebut;
- (iv) Memastikan struktur utama bangunan perpustakaan tersebut termasuk bumbung, dinding, lantai, parit besar, jalan masuk, koridor, laluan, tangga dan lif serta semua bahagian lain tersebut dijaga dengan baik;
- (v) Menyenggara kerja-kerja pembersihan untuk tandas, surau, pembersihan permaidani, tingkap (bahagian dalam) dan penyediaan barangan pakai habis di dalam perpustakaan tersebut; dan
- (vi) Menyenggara perkakasan, perisian, peralatan, dan kelengkapan ICT perpustakaan.

8.6 Kawalan Keselamatan

Badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan akan menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatan serta televisyen litar tertutup (CCTV) bagi menjaga keselamatan bangunan tersebut pada setiap masa.

8.7 Insurans

Badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan akan sentiasa mengadakan perlindungan insurans bangunan perpustakaan tersebut pada setiap masa dengan insurans liabiliti awam terhadap kerugian, kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran serta kegunaan-kegunaan lain yang ditentukan oleh badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan.

8.8 Perabot, Peralatan atau Kelengkapan

Kerajaan tidak akan membawa masuk ke dalam perpustakaan tersebut sebarang perabot, peralatan, kelengkapan atau apa-apa bahan lain kecuali sumbangan bahan bacaan sahaja

8.9 Garis Panduan Lain Berkaitan Perpustakaan yang Boleh Dirujuk

Selain garis panduan yang disediakan ini, badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan boleh merujuk kepada beberapa garis panduan lain mengenai pembangunan kemudahan perpustakaan seperti berikut:

- (i) Garis Panduan Perpustakaan Khusus Edisi Ketiga;
- (ii) Garis Panduan Standard Ruang Lantai Perpustakaan Awam; dan
- (iii) Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat.

8.10 Surat Penghargaan

PNM juga akan memberi surat/sijil penghargaan kepada badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan yang melaksanakan program CSR.

9. PENUTUP

Garis panduan ini diharapkan dapat membantu badan kerajaan, bukan kerajaan dan orang perseorangan dalam menubuhkan sebuah perpustakaan yang lengkap melalui program CSR selaras dengan keperluan semasa.

RUJUKAN

Buku

Garis Panduan Standard Ruang Lantai Perpustakaan Awam (2015). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat. Kuala Lumpur: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2013.

Perkhidmatan Perpustakaan Awam: Garis Pembangunan IFLA/UNESCO (2005). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia (2010). Jawatankuasa Garis Panduan Perpustakaan Khusus. Garis Panduan Perpustakaan Khusus. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

Sumber Elektronik

Jabatan Kebajikan Masyarakat. (n.d.). Program Tanggungjawab Sosial Korporat. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=VHh6MUZxTnUwTzByYVdNa2U3bk5NUT09>.

Perpustakaan Negara Malaysia. (n.d.). Surat Pekeliling, Akta, Dasar dan Peraturan. <https://www.pnm.gov.my/index.php/pages/view/270>.

World Business Council for Social Development (WBCSD) (2000). <https://www.social-responsibility.at/definitions/world-business-council-for-sustainable-development-2000/>

Khidmat Bantu Perpustakaan Negara Malaysia



Contoh Projek Tanggungjawab Sosial Korporat

Perpustakaan Persatuan Kanak-kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan

- PNM telah membantu Persatuan Kanak-kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan, Petaling Jaya, Selangor dalam menubuhkan sebuah perpustakaan mulai April 2021. Perpustakaan telah siap dibangunkan sepenuhnya pada Januari 2022 dan mula digunakan pada Mac 2022.
- PNM telah membantu dalam perkara seperti berikut:
 - i) Lawatan tapak dan khidmat nasihat susun atur ruang perpustakaan



GARIS PANDUAN PEWUJUDAN PERPUSTAKAAN ATAU PUSAT SUMBER MELALUI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

ii) Sumbangan bahan bacaan



iii) Khidmat bantu pendokumentasian bahan perpustakaan

